

SEJARAH DAN PERKEMBANGAN SENIBINA


KERETAPI TANAH MELAYU

"Final Study" ini telah dihantar kepada Jabatan Senibina, Institut Teknologi Mara, Sebagai memenuhi syarat Mata Pelajaran ARC 471 - "History of Architecture."

Disediakan oleh:

Nama : Shukri bin Musa

K/P ITM : 85181822



Diploma Senibina 04, Semester 08  
Institut Teknologi Mara  
Shah Alam, Selangor

Sessi January, 88/89

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

KAJIAN SENIBINA, PERANGKAAN DAN UKUR

Ini adalah disahkan bahawa 'Final Study' ini telah disediakan oleh:

Nama : Shukri bin Musa

K/P ITM : 85181822

Final Study ini telah dibaca dan disemak oleh:

En. Ghani Desa (Penyelia dan Penilai)

.....  
Tandatangan (Penyelia dan Penilai)

En. Ghani Desa

July, 1989

## ABSTRAK

Kenemuan bijih timah dinegara kita telah mendorong pihak penjajah Inggeris memperkenalkan perkhidmatan keretapi di Tanah Melayu. Kesan daripada itu pula wujudnya stesen-stesen keretapi sebagai pusat persinggahan disamping mengangkut dan memunggah muatan. Pada stesen-stesen atau bangunan-bangunan keretapi tersebut dipamirkan keunikan senibinanya yang amat menarik.

Kajian ini dibuat memandangkan belum ada lagi dibuat penganalisaan khusus terhadap senibina keretapi. Diharapkan dengan kajian yang dibuat ini dapat dijadikan panduan atau sebagai rujukan terhadap senibina Keretapi Tanah Melayu.

Penumpuan dibuat kajian merangkumi senibina keretapi dan sejarahnya secara kasar untuk memberi gambaran awal terhadap kajian ini. Pertamanya kajian terhadap sistem perkhidmatan dan perkembangannya. Kemudiannya sejarah penubuhan dan faktor-faktor mempengaruhi penenalan sistem keretapi di Tanah Melayu. Akhir sekali kajian terhadap bangunan-bangunan keretapi dan elemen-elemen senibina keretapi.

Diharapkan ada Mahasiswa/Mahasiswi yang akan meneruskan kajian terhadap tajuk ini dan dibincangkan pada skop yang lain pula agar senibina keretapi negara kita tercatat sejarahnya.

## PENDAHULUAN

Pada 12 Februari 1885 perkhidmatan keretapi bermula di negeri ini. Sebagaimana diketahui umum, keretapi itu menghubungkan Taiping dengan Port Weld. Dengan itu bermulalah satu zaman baru dalam sejarah Malaysia. Dari Taiping - Port Weld, keretapi kemudiannya merebak ke utara dan selatan; Gemas juga dihubungkan dengan Tumpat di Kelantan.

Keretapi bukan hanya membawa perubahan ekonomi bahkan perubahan sosial kerana keretapi juga menghubungkan kampung-kampung dengan bandar; dengan beransur-ansur ia menggantikan sungai sebagai rangkaian pengangkutan yang utama. Walaupun hampir serentak, jalan raya juga dibina dan pengangkutan motor menjadi semakin popular selepas Perang Dunia I, keretapi tetap merupakan cara pengangkutan yang lebih selesa bagi mereka yang ingin berkunjung ke tempat yang agak jauh.

## PENGHARGAAN

Kesempatan di sini diambil untuk merakamkan penghargaan dan terimakasih saya terhadap orang perseorangan, kumpulan dan juga perbadanan.

Pertamanya kepada En. Ghani Desa yang bertugas sebagai pembimbing dan juga penilai dengan memberi berbagai panduan serta daya kreatif. Walaupun beliau suka berleter tapi ianya merupakan satu nasihat bapa kepada anak-anaknya yang mesti dipatuhi agar kejayaan boleh dicapai.

Saya juga amat berterima kasih terhadap Tn. Hj. Osmai Sab, Ketua Kejuruteraan Jentera di Ibupejabat KTM Kuala Lumpur kerana telah memberi maklumat serta salinan plan dengan potongan harga yang sungguh istimewa. Serta terimakasih di atas sarapan pagi yang diberi serta di atas pelawakan hari raya. Terimakasih juga buat Liz a yang memperkenalkan saya kepada bapanya dalam membantu mendapatkan maklumat kajian akhir ini.